

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai polisi Jetour Insurance Program.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1

Apa itu Jetour Insurance Program?

Polisi Jetour Insurance Program memberi perlindungan bagi kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda disebabkan kemalangan, kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian, dan liabiliti terhadap pihak lain untuk kecederaan badan atau kematian, dan/atau kerosakan harta pihak lain.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM2,763.58 setahun, anda akan menerima perlindungan berikut:

Amaun Diinsuranskan	RM109,800
Diskaun Tanpa Tuntutan ("No Claim Discount" / "NCD")	0%
* Perlindungan Tambahan (Dibeli dengan premium tambahan)	- Perlindungan untuk cermin depan / belakang, tingkap dan bumbung matahari - Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai - Perlindungan tambahan bencana khas - Motor Enhanced Road Warrior - Motor Road Warrior

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
Manfaat Kereta Persendirian Komprehensif - Kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan sendiri disebabkan kemalangan, kebakaran yang tidak disengajakan dan kecurian - Kematian atau kecederaan badan pihak ketiga - Kerugian atau kerosakan harta terhadap pihak ketiga Manfaat Tambahan Jetour Insurance Program - Pengecualian Ekses Wajib jika bukan Pemandu Dinamakan - Perlindungan Ihsan Banjir : RM1,500 - Penjagaan Kunci (sehingga) : RM2,000 - Elaun Ketidakelesaian Kereta (sehingga 5 hari) : RM50 sehari 24-Jam Tunda Kecemasan : Penunda tanpa had untuk empat (4) kejadian pertama, sehingga 200km untuk kejadian seterusnya - Manfaat Kematian/Hilang Upaya Kekal : RM20,000 - Pendapatan Hospital (sehingga 60 hari) : RM30 sehari - Perbelanjaan Perubatan (sehingga) : RM1,000 - Bayaran Ambulans (sehingga) : RM150 setiap ambulans	- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang dalam kenderaan anda. - Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada perbuatan semula jadi iaitu bencana khas seperti taufan, ribut, tanah runtuh atau penenggelaman tanah. - Jika kenderaan digunakan untuk perlumbaan, sewa atau tambang termasuk kereta sewa persendirian (kegunaan e-Hailing).

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk butiran penuh mengenai apa yang dilindungi dan apa yang tidak dilindungi.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans motor kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di

www.allianz.com.my/motorcycle-car-insurance



Emel kami di

customer.service@allianz.com.my



Imbas Kod QR
di atas

3
Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada faktor penarafan seperti keupayaan enjin kenderaan anda, amaun diinsuranskan, kelayakan diskaun tanpa tuntutan (NCD), manfaat pilihan diperlukan dan keperluan pengunderaitan Allianz.

Untuk tujuan ilustrasi, andaikan orang yang diinsuranskan adalah seorang lelaki berumur 30 tahun, membeli polisi Jetour Insurance Program ini untuk Jetour Dashing, 1,498 cc dengan amaun diinsuranskan sebanyak RM109,800, kenderaan baru dan 0% NCD, premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Premium Asas	RM	2,763.58
(-) Diskaun Tanpa Tuntutan – 0%	RM	0.00
(+) Perlindungan Tambahan		
Perlindungan untuk Cermin (Nilai Insurans: RM1,000)	RM	150.00
Perlindungan Tambahan Bencana Khas	RM	219.60
Premium Kasar	RM	3,133.18
(+) 8% Cukai Perkhidmatan *	RM	250.65
(+) Duti Setem	RM	10.00
Jumlah Amaun Dibayar	RM	3,393.83
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (termasuk dalam Premium Kasar) – 10% daripada Premium Kasar (jika ada)	RM	313.32
* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.		


MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA KETAHUI

A	Tempoh perlindungan adalah 1 tahun dan anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Amaun Diinsuranskan – Anda harus memastikan jumlah yang diinsuranskan adalah berpatutan.
C	Ekses – Ekses Wajib dan Ekses lain adalah jumlah yang perlu anda tanggung jika berlaku tuntutan.
D	Penambahbaikan – Jika kenderaan anda berumur 13 tahun atau lebih, anda diperlukan membayar kos penambahbaikan apabila alat ganti asli yang baharu digunakan untuk pembaikan.
E	Pembayaran sebelum perlindungan – Premium hendaklah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Polisi ini terbatal secara automatik dan menjadi tak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
F	Tuntutan – Jika kenderaan anda terlibat dalam sebarang insiden yang mengakibatkan suatu tuntutan di bawah polisi ini, anda mesti menghantar kenderaan anda ke mana-mana panel bengkel Allianz yang diluluskan atau mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah kami berikan kebenaran khas kepada anda untuk digunakan. Kegagalan anda untuk menghantar kenderaan anda ke panel bengkel Allianz yang diluluskan atau yang dibenarkan untuk membaiki kenderaan anda merupakan suatu pelanggaran polisi anda dengan Allianz dan Allianz boleh menolak tuntutan anda. Sekiranya tiada panel bengkel yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan insiden yang berlaku, kami boleh mengikut budi bicara kami, pilih untuk: - membantu anda mengakses panel bengkel terdekat dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel tersebut tanpa sebarang kos kepada anda; atau - membenarkan kenderaan anda yang rosak dibaiki di bengkel pembaikan motor berdekatan yang telah didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti yang ditentukan oleh Allianz Jika berlaku kemalangan, anda harus memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh memaklumkan Allianz dengan menghantar tuntutan melalui Aplikasi MyAllianz atau melawat Portal MyAllianz.


Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan pro-rata (jika kenderaan anda telah diinsuranskan secara berterusan lebih daripada 12 bulan dengan Allianz) atau pada kadar tempoh singkat (jika kenderaan anda tidak diinsuranskan secara berterusan untuk lebih daripada 12 bulan dengan Allianz). Mana-mana premium minimum yang dibayar dibawah polisi ini tidak boleh dipulangkan sama sekali. Pemulangan premium adalah dibenarkan jika tiada sebarang tuntutan dibuat sepanjang tempoh insurans semasa.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan ini sah laku dari 11/10/2025.